

PROFILE PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) DI BAWAH AGENSI AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM) DI DAERAH SIK, KEDAH

PROFILING OF SMALL AND MEDIUM-SIZED ENTERPRISES (SMEs) UNDER THE AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM) AGENCY AT SIK DISTRICT, KEDAH

Syahrina Abdullah¹
Mohamad Khadafi Hj Rofie²
Ahmad Fuad Mat Hassan³
Zeety Kartini Abdul Hamid⁴
Ainal Akmar Hj Ahmad⁵

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Emel: syahrina@uum.edu.my)

²Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Emel: khadafi@uum.edu.my)

³Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Emel: afuad@uum.edu.my)

⁴Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Emel: kartini@uum.edu.my)

⁵Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Emel: ainal@uum.edu.my)

Article history

Received date : 10-12-2023
Revised date : 12-12-2023
Accepted date : 4-3-2024
Published date : 14-3-2024

To cite this document:

Abdullah, S., Rofie, M. K., Mat Hassan, A. F., Abdul Hamid, Z. K., & Ahmad, A. K. (2024). Profile Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) di bawah Agensi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Daerah Sik. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 9 (53), 1 - 9.

Abstrak: *Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dianggap sebagai kategori perniagaan yang sangat penting di seluruh dunia. Menurut SME Corporation Malaysia, 98.5 peratus daripada jumlah perniagaan di Malaysia terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Namun begitu terdapat isu yang melibatkan data dan maklumat usahawan tidak dikemaskini yang menjadi kepada masalah dalam memperolehi maklumat perniagaan usahawan. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti direktori dan profil usahawan yang menjalankan perniagaan di bawah penyeliaan agensi keusahawanan di Daerah Sik, Kedah. Kajian ini tertumpu kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), di Daerah Sik, Kedah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual secara bersemuka pegawai agensi yang bertindak menyelia aktiviti keusahawanan di Daerah Sik, Kedah. Seterusnya, penyelidik menganalisis data dan maklumat berkenaan usahawan yang diperolehi melalui AIM. Hasil kajian mendapati terdapat 20 orang usahawan mikro, kecil dan sederhana berdaftar di bawah AIM di Daerah Sik yang berpotensi untuk dikembangkan. Justeru, adalah wajar membangunkan PKS yang berpotensi demi kestabilan ekonomi di Malaysia.*

Kata kunci: *Perusahaan mikro, kecil dan sederhana, direktori usahawan, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)*

Abstract: *Small and Medium Enterprises (SMEs) are considered a very important business category in worldwide. According to the SME Corporation of Malaysia, 98.5 percent of the total number of businesses in Malaysia consists of Small and Medium Enterprises (SMEs). However, there are challenges with outdated data and information on entrepreneurs, which makes it difficult to access entrepreneur's information. The objective of this study is to determine the information and characteristics of entrepreneurs who operate enterprises with the guidance of entrepreneurship agencies in Kedah's Sik District. This study focused on micro, small and medium enterprises (MSME) under Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), in Sik District, Kedah. This study employs a qualitative approach, including face to face interview session with agency officer that supervised entrepreneurial activities in the Sik District of Kedah. Next, the researcher analyzed data and information about entrepreneurs obtained through AIM. The results of the study found that there are 20 micro, small and medium entrepreneurs registered under AIM in Sik District who have the potential to be developed. Therefore, it is appropriate to develop potential SMEs for the sake of economic stability in Malaysia.*

Keywords: *Micro, small and medium enterprise (MSMEs), entrepreneurs directory, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)*

Pengenalan

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dianggap sebagai kategori perniagaan yang sangat penting di seluruh dunia. Data yang dilaporkan oleh SME Corporation di dalam Laporan Tahunan PKS 2018/2019, 98.5 peratus daripada jumlah perniagaan di Malaysia terdiri daripada PKS (SME Corp, 2019). Sumbangan PKS kepada pertumbuhan ekonomi negara tidak boleh dipertikaikan.

Usahawan PKS turut berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam mengusaha dan menguruskan perniagaan. Usahawan PKS seringkali terpicir dan terpinggir dari arus perkembangan info dan maklumat terkini. Sehingga data dan maklumat usahawan PKS sukar diperolehi dan diakses oleh pihak tertentu. Maklumat dan komunikasi dalam operasi perniagaan mikro dan kecil dalam negara sedang membangun masih kurang dijadikan sebagai satu aspek utama (Nor Liza et.al, 2020). Hal ini menyebabkan maklumat usahawan tidak dikemaskini dengan lengkap. Justeru, data dan maklumat berkenaan perniagaan wajar dibangunkan untuk kemudahan pada masa akan datang.

Data dan maklumat usahawan yang tidak dikemaskini telah menjadi masalah kepada orang ramai untuk memperolehi maklumat usahawan. Ekoran dari isu berkenaan data dan maklumat usahawan kecil sukar diakses, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) turut membangunkan pelan perancangan strategik penjaja dan peniaga kecil (<https://www.kuskop.gov.my/2023>).

Oleh yang demikian, isu ini wajar dilihat kerana ianya merupakan satu aspek penting dalam konteks kejayaan perniagaan PKS. Kaedah dan strategi pengurusan dalam membekalkan maklumat dan data usahawan PKS yang digunakan oleh usahawan juga wajar dilihat sebagai pemangkin kepada kejayaan perniagaan.

Persoalan Kajian

Persoalan bagi kertas kerja ini ialah apakah data dan profil usahawan mikro, kecil dan sederhana di bawah AIM Daerah Sik, Kedah?

Objektif Kajian

Objektif kertas kerja ini ialah untuk mengenal pasti data dan profil usahawan mikro, kecil dan sederhana di bawah AIM di Daerah Sik, Kedah.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap penting untuk pihak yang mempunyai kepentingan kepada pihak yang memerlukan maklumat dan data usahawan mikro, kecil dan sederhana di Daerah Sik secara khususnya. Kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat perniagaan agar mudah pihak tertentu untuk membangunkan usahawan yang berpotensi dalam bidang keusahawanan. Kepentingan data usahawan boleh dilihat melalui website Kementerian Usahawan dan Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang turut membangunkan direktori usahawan seluruh Malaysia melalui laman web rasmi kementeriannya.

Skop Kajian

Skop bagi kajian ini tertumpu kepada perusahaan mikro dan kecil di bawah agensi keusahawanan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Daerah Sik, Kedah. Kajian ini akan menganalisis maklumat usahawan melalui data kualitatif, iaitu menemubual pegawai agensi yang bertindak mengawal selia aktiviti keusahawanan di Daerah Sik, Kedah.

Ulasan Karya

Usahawan

Istilah usahawan dan keusahawanan kini telah menjadi popular dan sebutan dalam kalangan masyarakat. Secara umumnya istilah usahawan merujuk kepada individu yang mengurus, menyusun dan mengatur strategi bagi menjalankan sesebuah perniagaan demi menanggung risiko. Terma usahawan dalam bahasa Inggeris 'entrepreneur' berasal dari bahasa Perancis 'entreprendre' yang bermaksud memikul tugas atau mencuba. Manakala perkataan usahawan dalam bahasa Melayu berasal dari perkataan 'usaha' yang memberi maksud ikhtiar atau daya upaya. Menurut Kamus Dewan, makna usahawan merujuk kepada individu yang mengusahakan sesuatu perusahaan manakala keusahawanan pula bermaksud hal-hal yang berkaitan dengan usahawan atau kegiatan kemahiran usahawan. Terma usahawan mula popular dalam kalangan masyarakat Malaysia kira-kira pada pertengahan tahun 1970-an, apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1969. Usahawan adalah individu yang menubuh, menerajui, mengusaha dan mengembangkan perniagaan bagi memenuhi impian dan pencapaian diri bagi mendapat keuntungan di samping membuat kebajikan dan berkhidmat kepada masyarakat serta negara (Syahrina, 2010).

Justeru, usahawan yang berjaya pastinya dapat dibezakan daripada individu lain. Usahawan dikatakan mempunyai ciri-ciri dan profil diri yang unik, hebat serta mempunyai kompetensi keusahawanan iaitu kemampuan dan kemahiran diri untuk melaksanakan fungsi-fungsi keusahawanan dengan berkesan. Pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh usahawan membolehkan mereka melihat, menganalisis dan merebut peluang-peluang perniagaan yang tidak dapat dilihat oleh orang lain. Usahawan perlu mempunyai ciri-ciri dinamik dan optimistik terhadap peluang yang ada (Mohd Syahrir et.al, 2017).

Usahawan PKS juga berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam mengusaha dan menguruskan perniagaan. Usahawan PKS seringkali tercicir dan terpinggir dari arus perkembangan info dan maklumat terkini. Seinggakan data dan maklumat usahawan PKS sukar diperoleh dan diakses oleh pihak tertentu. Maklumat dan komunikasi dalam operasi perniagaan mikro dan kecil dalam negara sedang membangun masih kurang dijadikan sebagai satu aspek utama (Mohamad Rohieszan, et. al., 2020). Hal ini menyebabkan maklumat usahawan tidak dikemaskini dengan lengkap.

Data dan maklumat usahawan yang tidak dikemaskini telah menjadi masalah kepada orang ramai untuk memperolehi maklumat usahawan. Ekoran dari isu berkenaan data dan maklumat usahawan kecil sukar diakses, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) turut membangunkan pelan perancangan strategik penjaja dan peniaga kecil (<https://www.kuskop.gov.my/2023>).

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia menjadi tonggak kepada pertumbuhan ekonomi negara. Secara amnya, enterpris kecil dan sederhana didefinisikan sebagai sebuah perusahaan yang menjalankan perniagaan dengan jualan tahunan tertentu serta bilangan pekerja tertentu mengikut kepada sektor perniagaan yang diceburi. Terdapat pelbagai pengukuran boleh ditafsirkan berkenaan PKS di Malaysia melalui sektor dan kategori perniagaan kecil dan sederhana. Definisi PKS mengikut Bank Dunia adalah apa-apa perniagaan yang mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa antara 5 hingga 49 orang pekerja bagi industri kecil dan antara 50 hingga 100 orang pekerja bagi industri sederhana. (Ab. Aziz, 2010).

Bagi negara Malaysia, agensi yang mengawal selia aktiviti perniagaan SME dikenali sebagai SME Corporation (SME Corp). SME Corp (2020) juga mendefinisikan perusahaan mikro merentasi semua sektor di mana jualan tahunan kurang daripada RM300,000 atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang. Daftar perniagaan mikro di Malaysia adalah dianggarkan sebanyak 76.5% daripada keseluruhan perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa perusahaan mikro juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Berikut adalah rajah 1 menunjukkan kedudukan perusahaan mikro, kecil dan sederhana di Malaysia.



Rajah 1: Peratusan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana di Malaysia

(Sumber: SME Corp Malaysia, 2016)

Kertas kerja ini memfokuskan kepada usahawan mikro di Malaysia. Oleh itu usahawan Mikro adalah kalangan peniaga yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan namun jumlah pendapatannya kurang dari RM300 000 setahun (SME Corp Malaysia, 2020). Tumpuan kajian ini adalah terhadap usahawan mikro di negeri Kedah mula mendapat perhatian oleh kerajaan negeri untuk membangun dan mengembangkan perniagaan yang berpotensi. Usahawan mikro ini boleh dikategorikan sebagai usahawan yang beroperasi dalam skala yang kecil-kecilan untuk menyara diri dan keluarga.

Selain itu, mengikut tafsiran atau definisi yang dikeluarkan oleh SME Corporation Malaysia (SME Corp, 2016) berkenaan perusahaan kecil dan sederhana dapat ditakrifkan berdasarkan sektor perniagaan yang diceburi. Memandangkan ianya terdapat pelbagai perubahan dalam ekonomi seperti inflasi harga, perubahan struktur ekonomi dan perubahan tren perniagaan sejak tahun 2005, satu kajian semula definisi telah dilakukan pada tahun 2013. Menurut SME Corp (2016), mesyuarat MPPK ke-14 pada bulan Julai 2013 telah meluluskan definisi baharu PKS yang telah dipermudah lagi. Sesebuah perniagaan boleh diklasifikasikan sebagai PKS jika memenuhi salah satu daripada dua kriteria iaitu jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa, mana-mana yang lebih rendah. Butiran terperinci bagi definisi baharu PKS adalah seperti berikut di mana bagi sektor pembuatan, jualan tahunan PKS mestilah tidak melebihi RM50 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang. Manakal bagi sektor perkhidmatan dan lain sektor, jualan tahunan PKS mestilah tidak melebihi RM20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang.

SME Corp (2016) juga mendefinisikan PKS dalam konteks saiz operasi perniagaan di mana perusahaan dikategorikan kepada mikro, kecil dan sederhana mengikut kategori seperti berikut:

- Definisi Perusahaan mikro merentasi semua sektor: Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.
- Perniagaan kecil dan sederhana bagi sektor pembuatan didefinisikan ke dalam kategori termasuk jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta ATAU daripada 5 orang hingga kurang daripada 75 orang pekerja. Manakala jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta ATAU daripada 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja.
- Perniagaan kecil dan sederhana bagi sektor perkhidmatan dan sektor lain merangkumi jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta ATAU daripada 5 hingga kurang daripada 30 pekerja. Manakala jualan tahunan adalah daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta atau daripada 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja. Menurut Harney & Nolan (2014), di Eropah perniagaan kecil dan sederhana diklasifikasikan seperti berikut:
- Perniagaan mikro – firma yang mempunyai bilangan pekerja kurang dari 10 orang.
- Perniagaan kecil- mempunyai bilangan pekerja antara 10-49 orang.
- Perniagaan sederhana – mempunyai bilangan pekerja antara 50-249 orang.

(Sumber: Norasmah Othman, 2021).

Manakala jika dibandingkan dengan kategori yang lain pula, perniagaan yang mempunyai pekerja kurang daripada 500 orang masih dianggap kecil di Amerika Syarikat (Harney & Nolan, 2014).

Menurut Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPKS) mendefinisikan PKS berdasarkan kepada sesuatu industri yang diceburi oleh usahawan. Bagi industri pembuatan (termasuk industri berasaskan pertanian), perkhidmatan berkaitan pembuatan (MRS); jumlah jualan

tahunan kurang daripada RM25 juta ATAU mempunyai pekerja sepenuh masa kurang daripada 150 orang. Manakala bagi industri pertanian asas dan perkhidmatan (termasuk ICT); jumlah jualan tahunan adalah kurang daripada RM5 juta ATAU mempunyai pekerja sepenuh masa kurang daripada 50 orang (SME Corp, 2016).

Amanah Ikhtiar Malaysia

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah ditubuhkan pada 17 September 1987 sebagai sebuah badan Amanah persendirian yang diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] melalui permeteraian Surat Ikatam Amanah AIM bertarikh 17 September 1987 oleh pengasas-pengasas AIM bersama penyumbang dana dan juga Lembaga Pemegang Amanah AIM yang telah dilantik (www.aim.gov.my). AIM berperanan membantu usahawan (yang digelar sahabat AIM) dalam menguruskan perniagaan. Skim yang ditawarkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia untuk membantu sahabat yang memerlukan khidmat nasihat dan bantuan kewangan serta modal memula dan mengembangkan perniagaan. Kajian ini tertumpu kepada usahawan di bawah AIM Daerah Sik, Kedah.

Metodologi

Metodologi di dalam sesuatu penyelidikan memberikan panduan kepada pengkaji bagaimana reka bentuk data dikutip dan dikumpul (Creswell, 2008). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji profil usahawan seterusnya membangunkan profil usahawan bagi unit perniagaan mikro, kecil dan sederhana melaksanakan perniagaan. Seterusnya kajian ini juga akan menggunakan kaedah kualitatif untuk tujuan mengenal pasti usahawan yang berdaftar di bawah agensi keusahawanan di Daerah Sik. Strategi kutipan data dilakukan secara semuka bersama pegawai yang mengumpul data usahawan di Daerah Sik. Set soalan kualitatif ini adalah berbentuk semi berstruktur *open ended* untuk mengenalpasti profil usahawan, jenis perusahaan dan pendapatan usahawan. Borang soal selidik ini dibangunkan oleh kumpulan penyelidik mengikut kesesuaian objektif kajian yang merangkumi soalan profil usahawan, demografi usahawan, jenis perniagaan, jumlah pendapatan serta soalan berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh usahawan PKS di bawah AIM, Sik, Kedah. Justeru, ianya menjawab persoalan serta objektif kajian di mana objektif bagi kajian ini ialah untuk mengenal pasti profil demografi usahawan mikro dan kecil di Daerah Sik.

Analisis Dapatan

Kajian ini adalah untuk menganalisis data dan profil usahawan PKS di bawah agensi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Daerah Sik, Kedah. Terdapat seramai 20 data dan profil usahawan mikro, kecil dan sederhana yang aktif berniaga telah dikenal pasti oleh pihak AIM. Melalui data yang diperolehi, jantina bagi usahawan di bawah AIM ialah 100% wanita. Manakala dari aspek pendapatan, usahawan yang memperolehi pendapatan bulanan antara RM5000-RM9999.99 ialah seramai 4 orang iaitu bersamaan 20%. Manakala, usahawan yang memperoleh pendapatan antara RM10,000 -RM19,999.99 sebulan ialah seramai 5 orang iaitu bersamaan 25%. Selebihnya iaitu seramai 10 orang usahawan yang memperoleh pendapatan antara RM20,000 – RM29,999.99 iaitu bersamaan 50%, manakala seorang usahawan tidak menyatakan pendapatan bulannya. Dari aspek kategori perniagaan, usahawan AIM telah menceburi bidang pertanian, perniagaan produk dan perkhidmatan, produk pakaian serta bidang yang berkaitan makanan dan minuman. Dari aspek kategori perniagaan, 14 orang usahawan dikategorikan sebagai usahawan mikro manakala seramai 5 orang usahawan dikategorikan sebagai usahawan PKS mengikut definisi SME Corporation, Malaysia. Majoriti usahawan di bawah AIM mempunyai rekod kewangan yang baik dari aspek pendapatan dan pembayaran pinjaman yang diberikan

oleh pihak AIM. Maklumat lanjut berkaitan data dan profil usahawan AIM cawangan Sik, Kedah adalah seperti di jadual 1 di bawah.

Agensi: Amanah Ikhtiar Malaysia (Aim, Daerah Sik, Kedah)

Jadual 1: Profil Usahawan Kecil dan Sederhana Di Daerah Sik

Bil	Responden	Pendapatan Bulanan (RM)	Jenis Perusahaan	No.Tel/ WhatsApp	Kategori Perniagaan
1	RS1	27960.00	Jual Beli Getah	0194412473	PKS
2	HH2	20228.00	Kelapa Sawit	0194272178	Mikro
3	NAS3	16768.00	Kedai Makan	0138690431	Mikro
4	AC4	14000.00	Kedai Runcit	0134994889	Mikro
5	SRM5	13690.00	Lokching	0192034693	Mikro
6	FL6	15708.00	Ikan Pekasam /Burger	0183154290/01128437416	Mikro
7	SY7	12608.00	Pajak Kebun	0174035131	Mikro
8	ZZ8	22548.00	Kedai No Plat Kenderaan	0134472277	Mikro
9	SKH9	8500.00	Kedai Runcit/Bengkel	0174061458	Mikro
10	EPCO10	8090.00	Kedai Makan	0132531385/0195569972	Mikro
11	LA11	24048.00	Kedai Runcit	0196802353	Mikro
12	SKNY12	29644.00	Ternakan Lembu/Kedai Dedak	0197547828	PKS
13	HA13	27500.00	Katering/ Butik Pengantin	0195279303	PKS
14	RU14	6500.00	Kedai Makan/Tomyam	0194914067	Mikro
15	NHAR15	Tiada Maklumat	Jual Beli Getah	0126265689	-
16	MAA16	5780.00	Gerai Makanan	0102796317	Mikro
17	MSB17	21925.00	Jualan Pakaian	0194066053	Mikro
18	SH18	21986.00	Kedai Bundle/Kedai Burung	0134735230	Mikro
19	NA19	36414.00	Kedai Hardware	0177782923	PKS
20	ZP20	36448.00	Jual Ikan	0138778984	PKS

(Sumber: Amanah Ikhtiar Malaysia, 2022).

Rumusan

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan mempunyai potensi dan prospek yang luas untuk dikembangkan. Prospek PKS dan perniagaan mikro pada setiap tahun adalah bergantung terutamanya kepada perkembangan luaran. Namun begitu, berikutan kebimbangan terhadap ketegangan perdagangan semasa yang berpanjangan dan pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang semakin lembap boleh menurunkan peratus pertumbuhan PKS tempatan. Pertumbuhan

KDNK PKS diunjur berkembang pada kadar yang sederhana iaitu sebanyak 5.8 peratus pada tahun 2019 dan seterusnya. Unjuran ini mengambil kira prestasi sebenar pertumbuhan KDNK keseluruhan pada separuh pertama tahun 2019 iaitu sebanyak 4.7 peratus dan unjuran pertumbuhan KDNK keseluruhan rasmi sebanyak 4.7 peratus untuk tahun 2019. Oleh itu, fokus bagi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada Julai 2019 adalah untuk mencungkil potensi PKS yang belum diterokai bagi membolehkan lonjakan berganda dalam pertumbuhan dan seterusnya meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi negara. Justeru, usahawan mikro, kecil dan sederhana mempunyai potensi pasaran yang luas sekiranya mereka berdaya saing dan berdaya maju yang tinggi dalam menjalankan perniagaan. Usahawan PKS harus memperkemas maklumat peribadi dan perniagaan serta sentiasa peka kepada arus perubahan dunia dalam konteks perniagaan.

Penghargaan

Penyelidik merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak RIMC dan SLCP UUM atas penganugerahan geran penajaan universiti bagi kajian ini, kod S/O 21174.

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof (2010). *Pengenalan Kepada Usahawan dan Keusahawanan*, Kuala Lumpur: ScholarMind Publishing.
- Amanah Ikhtiar Malaysia (2022). *Laporan Maklumat Usahawan Mikro, Kecil dan Sederhana Daerah Sik, Kedah*, Kedah: Amanah Ikhtiar Malaysia.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research, (3rd edition)*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education International.
- Creswell, J.W. & Poth, C.N. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*, Newbury Park, California: SAGE Publications.
- Harney, B. & Nolan, C. (2014). *HRM in Small and Medium-Sized Firms (SMEs)*, US: Blackhall/Orpen.
- Mohamad Rohieszan H., Nor Liza, A., Rosmah, M.I & Mohd Hizam, H. (2020). Meneroka Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Platform Digital oleh Perusahaan Mikro dan Kecil, *Jurnal Pengurusan*, Vol. 59, 37-51.
- Mohd Syahrir Abdullah et. al. (2017). *Prinsip-prinsip Keusahawanan: Teori dan Praktis*, Sintok: UUMPress.
- Norasmah Othman (2021). *Pengurusan Enterprise Kecil dan Sederhana*, Sintok: UUMPress.
- Nor Liza A, Mohd Hizam, H., Rosma, I & Roshieszan, M.R. (2020). Meneroka Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Platform Digital oleh Perusahaan Mikro dan Kecil, *Jurnal Pengurusan*, diakses <https://www.researchgate.net/publication/344841236>, pada 25 Mei 2023.
- SME Corporation Malaysia (2016). *SME Definitions*, Kuala Lumpur: Official Website SME Corporation, di akses di www.smecorp.gov.my, pada 3 Julai 2021.
- SME Corporation Malaysia (2019). *Laporan Tahunan PKS 2018/2019*, diakses di <https://www.smeinfo.com.my/laporan-tahunan-pks-2018-19/> pada 15 Januari 2023.
- SME Corporation Malaysia (2020). *Annual Report*, Kuala Lumpur: Official Website SME Corporation, diakses di www.smecorp.gov.my, pada 25 Ogos 2021.
- Syahrina Abdullah (2010). *Mengenali Ciri-Ciri Usahawan dalam Prinsip-Prinsip Keusahawanan: Pendekatan Gunaan*, (2nd ed.), Cengage Learning, Singapore.
- Website Amanah Ikhtiar Malaysia (2023), Maklumat AIM, www.aim.gov.my, di akses pada 15 April 2023.

Website Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) (2023), Direktori Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, diakses di (<https://www.kuskop.gov.my/2023>) pada 15 April 2023.